



BOLA TAMPAR LELAKI



PERATURAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

BOLA TAMPAR LELAKI

1.0. NAMA

Pertandingan ini dinamakan

“KEJOHANAN BOLA TAMPAR LELAKI SUKAN MARA SEMALAYSIA 2026”

2.0. TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 30 Ogos 2026 - 2 September 2026

Tempat : Kompleks Sukan KBS Kangar, Perlis

3.0. PENGANJURAN

- 3.1. Jawatankuasa penganjur akan mengatur serta menganjurkan pertandingan ini. Sebarang keputusan yang dibuat terhadap segala perkara yang berbangkit dengan kejohanan ini adalah muktamad.
- 3.2. Jawatankuasa berhak meminda atau membuat apa-apa penyesuaian untuk permainan dalam kejohanan ini menurut cara yang difikirkan sesuai.
- 3.3. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana pasukan atau pemain yang tidak mematuhi peraturan dan syarat tanpa sebarang sebab.

4.0. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 4.1. Undang-undang dan peraturan acara sukan ini akan merujuk kepada Peraturan dan Undang-Undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) dan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) dan **Peraturan Am KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026.**
- 4.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada peraturan-peraturan yang dinyatakan di para 4.1. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.
- 4.3. Ketinggian jaring: **2.43 meter**

5.0. PENYERTAAN

- 5.1. Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar dua belas (12) orang pemain termasuk pemain simpanan dan dua (2) orang pegawai iringan/pengurus.

6.0. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1. Taklimat kepada pengurus-pengurus pasukan akan diadakan pada **29 OGOS 2026 jam 8.30 malam di MRSM Arau, Perlis.**
- 6.2. Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai akhir pemain yang telah didaftarkan berserta dengan dokumen-dokumen yang disahkan dan mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontijen atau Pengurus Pasukan setiap negeri. Senarai nama pemain yang didaftar dan diserahkan semasa Taklimat pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0. SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 7.1. **** Sila rujuk para 8 dan 9 dalam Peraturan Am KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026.**

8.0. SISTEM PEMBERIAN MATA / MENENTUKAN KEMENANGAN

- 8.1. Pertandingan dalam kumpulan dijalankan secara liga. Sistem pemberian mata adalah seperti berikut:

MENANG	3 Mata
KALAH	0 Mata

- 8.2. Kiraan mata di setiap perlawanan berdasarkan 'Best of 3 set' (25, 25, 15).
- 8.3. Kiraan mata dikira secara 'Rally Point'. Mata maksimum adalah 25. Sekiranya mata terikat pada 24 – 24, permainan akan diteruskan sehingga kelebihan 2 mata tercapai (26 – 24, 27 – 25, 28 – 26... tidak terhad).
- 8.4. Keputusan perlawanan akan diputuskan dengan dua (2) kemenangan daripada tiga (3) perlawanan untuk lelaki dan wanita di pusingan awal, Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir.
- 8.5. Sekiranya pada akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan sama mata diperolehi oleh lebih dari satu pasukan, maka keputusan ditentukan seperti berikut:
- 8.5.1. Pasukan yang mendapat jumlah mata yang tertinggi.
- 8.5.2. Pasukan yang mendapat nisbah set (set menang / set kalah) yang lebih tinggi.
- 8.5.3. Pasukan yang mendapat nisbah mata tertinggi.

- 8.5.4. Jika masih terdapat dua pasukan yang sama, maka pemenang adalah pasukan yang telah menang dalam pertandingan awal.
- 8.5.5. Jika sama juga, pemenang akan ditentukan melalui cabutan undi.

9.0. JERSI / PAKAIAN PEMAIN

- 9.1. Semua pemain dalam satu pasukan hendaklah memakai pakaian seragam kecuali pemain 'libero'.
- 9.2. Jersi hendaklah bernombor mengikut saiz yang telah ditetapkan dan diletakkan dibahagian belakang dan hadapan jersi pemain.
- 9.3. Pasukan yang tidak memakai pakaian seragam tidak dibenarkan bermain.

10.0. TINDAKAN TATATERTIB

- 10.1. Hukuman berikut adalah merupakan hukuman yang dikenakan secara automatik:
 - 10.1.1. Seseorang pemain yang disingkirkan dari satu-satu perlawanan atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, pemain tersebut digantung satu (1) perlawanan berikutnya.

11.0. MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

- 11.1. Perkara (16.0) dalam Peraturan Am Sukan MARA SeMalaysia Ke-11, Perlis 2026 digunapakai.
- 11.2. Pasukan yang mendapat kemenangan percuma akan diberi 3 mata dengan keputusan kiraan 25-0 set pertama dan 25-0 set kedua.

12.0. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan ini dan segala tafsiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Penganjur **KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026** dan segala keputusan adalah muktamad.



BORANG PENDAFTARAN PEMAIN
BOLA TAMPAR LELAKI

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. GAJI	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN			
JURULATIH			

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		
11.		
12.		

Ketua Kontinjen

Pengurus Pasukan

.....
Nama :

.....
Nama :

.....
Tarikh



BORANG PENDAFTARAN PERLAWANAN
BOLA TAMPAR LELAKI

KONTIGEN : _____

KONTIGEN LAWAN : _____

	NAMA	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN		
KETUA PASUKAN		

BIL	NAMA PEMAIN	NO. JERSI
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

BIL.	NAMA PEMAIN SIMPANAN	NO. JERSI
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

.....
Pengurus Pasukan

.....
Tarikh